

10/12/1997

Sahut cabaran era maklumat: PM (HL)

Roslan Hamid in Teheran

TEHERAN, Selasa - Negara dan umat Islam perlu menyahut cabaran era maklumat dan konsep masyarakat sejagat bagi memastikan agama Islam terus terpelihara dalam kerancakan revolusi teknologi dan globalisasi, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, keupayaan umat Islam menguasai kemahiran baru ini akan dapat meningkatkan keyakinan dan mengekalkan cara hidup mereka yang ketika ini berterusan menjadi sasaran musuh.

"Jika kita menggunakan segala kemahiran yang kita ada, kita bukan sahaja dapat meneruskan kesinambungan hidup, malah dapat menguasai aplikasi teknologi dan konsepnya," kata Dr Mahathir ketika sesi perbahasan umum pada Sidang Puncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) kelapan di sini, petang ini.

Sidang puncak tiga hari yang disertai oleh 55 negara OIC itu dirasmikan pagi tadi oleh pemimpin tertinggi Iran, Ayatollah Ali Khamenei dan dipengerusikan Presiden negara itu, Mohammad Khatami,

Perkembangan pesat dalam urusan perjalanan, telekomunikasi, teknologi multimedia serta penyebaran maklumat akan mendedahkan umat Islam kepada segala perkembangan yang berlaku di persekitaran mereka, kata Perdana Menteri.

Keadaan itu jika tidak ditangani secara bijaksana akan menimbulkan masalah dan menggugat keyakinan umat Islam kepada agama mereka sendiri, katanya.

"Kita tidak dapat mengelakkan perkembangan ini sebagaimana nenek moyang kita gagal menghadapi ancaman musuh yang menggunakan meriam dan senapang, kapal perang dan pesawat pejuang dalam medan perang yang ciri-cirinya sentiasa berubah.

"Orang Islam dulu bukan sahaja terpaksa berundur dari tanah air mereka tetapi juga kehilangan kemahiran dan ilmu yang mereka kuasai. Mereka tewas kerana gagal menyesuaikan diri dalam dunia yang berubah dan pengetahuan baru serta kemahiran yang menyemarakkan perubahan ini," katanya.

Berhubung kemajuan ilmu ini, Perdana Menteri menarik perhatian mengenai sesetengah umat Islam dengan pengetahuan dan berkemahiran tinggi, berhijrah ke negara asing yang kadangkala bersikap ganas terhadap negara umat Islam.

Dr Mahathir berkata, keadaan ini berlaku kerana negara Islam tidak mempunyai kemudahan untuk ditawarkan kepada golongan ini di samping situasi di negara berkenaan seperti perbalahan dan pertempuran sesama ummah, tidak memberi kesempatan kepada mereka.

Mengenai pertempuran sesama ummah yang berlaku di banyak negara Islam, Perdana Menteri berkata, ia menyebabkan sebahagian besar negara berkenaan tidak berkemampuan untuk membangun dan bersaing dengan pihak musuh.

"Perbalahan peribadi dan kerakusan mendapatkan kuasa dibenarkan untuk menggugat pentadbiran kerajaan, menyebabkan ia tidak berupaya memenuhi keperluan rakyat.

"Sebagai kesannya, negara Islam kekal tidak membangun manakala umatnya miskin, tidak berkemahiran, tidak berpelajaran dan gagal menyumbangkan sesuatu yang positif terhadap kesejahteraan ummah, agama dan negara mereka," katanya.